



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA

Siaran Media :

ALERT : Pertandingan Teater Bahasa Melayu di antara Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berentap bagi merebut Piala Pusingan dan Wang Tunai yang melibatkan 60 buah sekolah dan 10 buah negeri yang terlibat dengan penglibatan pelajar seramai 610 orang bermula Mac hingga April di semenanjung Malaysia. – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

PERKASAKAN BAHASA KEBANGSAAN DI **SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL MELALUI** **SENI PERSEMBAHAN TEATER**

KUALA LUMPUR 4 Mei - Demi menyemarakkan Bahasa Melayu kepada seluruh rakyat di Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kelolaan Persatuan Seni Pentas Kuala Lumpur terus komited dalam membantu dan menyemarakkan Bahasa Kebangsaan kepada generasi muda melalui Pertandingan Teater Bahasa Melayu di antara sekolah-sekolah Tamil peringkat Kebangsaan 2019 dengan member peluang serta ruang kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan seluruh Malaysia untuk menyerlahkan bakat kepada pelajar-pelajar dalam seni persembahan teater.

Bermula pada tahun 2007 sehingga kini, JKKN telah mengambil inisiatif dengan member peluang kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengadakan kerjasama bagi menyemarakkan Bulan Bahasa Kebangsaan setiap tahun dengan menganjurkan pertandingan seumpama ini. Pertandingan pada tahun ini melibatkan 60 buah sekolah Jenis Kebangsaan

Tamil di sepuluh (10) buah negeri semenanjung Malaysia dengan penglibatan keseluruhan pelajar seramai 610 orang. Pertandingan peringkat saringan ini bermula pada 23 Mac sehingga 6 April 2019 yang lalu dengan bermula di Negeri utara semenanjung.

Antara tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan, memupuk minat dan kecintaan terhadap seni lakonan teater di peringkat murid-murid sekolahrendah. Melalui pertandingan ini, mereka dapat meningkatkan kemahiran pertuturan dan memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam diri individu sendiri di samping meningkatkan keyakinan dan komunikasi melalui medium seni dan Bahasa.

"Program ini sangat sesuai di laksanakan untuk meningkatkan modal insane kearah memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar sekolahrendah di samping meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional," kata Ketua Pengarah JKKN, Tan Sri Norliza Rofli dalam satu kenyataan hari ini.

Pertandingan yang diadakan kali ke-13 ini merupakan salah satu program bagi menyokong Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyemarakkan Bahasa Kebangsaan dengan melalui kerjasama Badan bukan kerajaan atau pengiat seni bagi menyuburkan semangat perpaduan kaum di Malaysia.

Pemenang utama pertandingan ini akan menerima wang tunai RM5,000, Piala Pusingan, piala iringan dan juga sijil penyertaan, naib johan akan menerima wang tunai RM3,000, piala iringan dan sijil penyertaan manakala tempat ketiga akan membawa pulang wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penyertaan. Terdapat juga saguhati kepada empat (4) kumpulan dengan membawa pulang wang tunai RM500, piala iringan dan sijil.

JKKN juga memperkenalkan beberapa anugerah kepada individu dan kumpulan melalui kategori Anugerah Juri, Pelakon Lelaki Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM500, piala iringan dan sijil. Majlis ini turut dihadiri oleh YB. Tuan Muhammad Bahktiar Wan Chik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan, Tan Sri Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN dan Datuk Haji Abang Sallehuddin Bin Abang Shokeran, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sentiasa peka mencari inisiatif untuk memberi nilai tambah, pembaharuan ke arah melestarikan seni dan bahasa ke arah penyemarakkanserta menjadi pemangkin kepada perkembangan seni budaya tanahair melalui usaha menyokong pembangunan modal insan sebegini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

TAMAT

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my atau <https://pemetaanbudaya.my>

Email: ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya